

UPM sedia bekerjasama dengan Jakim

Oleh **ZAHARIE ROSLI**

utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH), Universiti Putra Malaysia (UPM) mengalu-alukan kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi mengejahkan status halal produk makanan di negara ini.

Pengarah IPPH UPM, Prof. Dr. Awis Qurni berkata, pihaknya berbesar hati untuk membantu Jakim dalam melakukan ujian status halal produk makanan yang diragui secara terperinci melalui teknologi dan pakar IPPH.

Beliau berkata, cadangan Presiden Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Joham merupakan idea yang perlu diambil kira oleh Jakim kerana ramai pakar dalam bidang itu dan IPPH adalah antaranya.

“UPM mempunyai Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH) sejak tahun 2006 yang memfokuskan dalam penyelidikan halal dan menyediakan servis analisis serta mempunyai kepakaran yang cukup dalam penyelidikan untuk pelbagai skop termasuk juga isu berkaitan sembelihan halal.

“Bagaimanapun, semuanya terpulang kepada keputusan Jakim kerana mereka mempunyai

hak untuk merujuk kepada mana-mana agensi,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, Jakim digesa mendapatkan pakar berkaitan teknologi pengesahan halal daripada universiti tempatan dan tidak mengambil mudah status halal produk makanan.

Tambah Awis, kerjasama dalam ujian makmal melibatkan universiti awam juga adalah lebih disarankan kerana tidak melibatkan unsur berat sebelah dan bukan berdasarkan keuntungan.

Di samping itu, beliau turut mengalu-alukan kunjungan ke makmal IPPH UPM untuk melihat fasiliti yang ada dan berbincang dengan para pakar mengenai isu produk halal.

Mengulas mengenai keputusan ujian makmal Jakim yang beranggah dengan sumber swasta industri halal, beliau berkata, terdapat dua kemungkinan daripada ujian makmal iaitu *false negative* dan *false positive*, jadi sukar untuk memberi konklusi.

“Mungkin ada keputusan *false negative* di Jakim dan keputusan *false positive* di ujian makmal swasta tetapi jika makmal swasta itu telah melakukan ujian makmal untuk kali kedua dan ia masih positif, tidak mungkinlah ujian itu salah,” ujarnya.